

Program Bakti Suksis UMS pupuk perpaduan

UB 27.1.2017 B7

Oleh JAINUDIN NASIR

RANAU: Program Bakti Suksis Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Kampung Marakau Ranau, bukan sahaja memberi pengalaman baharu kepada pelatih dan penduduk, malah peluang kepada para pelatih menganggotai pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai satu kerjaya pada masa depan.

Pemimpin Pembangunan Masyarakat (PPM) Paginatan Georgina George berkata warga Ranau khasnya penduduk Kg Maracas sungguh bertuah kerana dipilih pihak UMS sebagai lokasi mengadakan program Bakti Suksis Sri 1/2015 tahun ini.

Katanya Kor Sukarelawan Polis Siswa-Siswi (Kor Suksis) merupakan sebuah badan beruniform polis bagi mahasiswa di universiti tempatan Malaysia, yang



KETIBAAN Georgina disambut mesra ole para pelatih UMS.

ditubuhkan atas cadangan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Menteri Dalam Negeri pada tahun 1999.

"Mahasiswa yang menyertai Kor Suksis



GEORGINA menyampaikan cenderamata kepada Sumadi.

(gambar bawah)
SEBAHAGIAN penduduk Kampung Marakau yang hadir.



KANAK-kanak Rumah Putera Harapan (RPH) Ranau.



ANTARA mahasiswa yang hadir.

akan diberi status cadet dan diwajibkan menjalani latihan selama tiga tahun di universiti masing-masing sebelum bergelar inspektor sukarelawan polis," katanya ketika berucap merasmikan majlis penutupan Program Bakti Suksis UMS di Kg Maracas Ranau, selama tiga hari (23-25 Januari).

Menurutnya dianggarkan



TARIAN joget pahang oleh para pelatih.



GEORGINA menerima cenderamata disampaikan Jualang.



ANTARA pelatih UMS yang menyertai gotong royong.

5 peratus ahli Kor Suksis menyertai PDRM selepas tamat pengajian.

Georgina berharap para peserta telah memperoleh pengalaman positif dan ilmu pengetahuan baharu termasuk kepentingan sikap prihatin terhadap permasalahan kemasyarakatan, sekaligus dapat pendedahan nilai-nilai kemanusiaan serta kepimpinan untuk diterapkan dalam diri masing-masing.

"Kita berterima kasih kepada semua pelatih dan para jurulatih kerana telah melaksanakan program ini dengan jayanya," katanya.

Berucap sama ialah Pengarah Program Nurmaya Suman dan Pengerusi JKKA Marakau Simon Gambukas.

Sementara hadir sama ialah Ketua Kampung Sumadi Suleiman, Guru Bear SK Marakau Dusina Gunting, wakil IPD Ranau Sjn Jumil Garatam, DSP Kehormat Suksis UMS Prof Madya Jualang @Azlan Gansau, dan Pegawai Penyelaras Kor Suksis UMS Asp Che Rafizi Che Ramli.